

In the Shadow of Change: Images of Women in Indonesian Literature oleh Tineke Hellwig: Ulasan Kritis

UNGKU MAIMUNAH MOHD. TAHIR

ABSTRAK

Dalam menganalisis citra wanita dalam cerita Indonesia sepanjang 50 tahun, Hellwig memilih teori-teori feminis kerana teori-teori tersebut membolehkan beliau mencabar teks yang dikaji. Pendekatan ini menurut beliau, perlu demi menawarkan satu bacaan alternatif kepada bacaan yang lumrah ditemui dalam tulisan kritikan sastera Indonesia. Penemuan Hellwig menunjukkan citra wanita Indonesia sepanjang tempoh itu tidak banyak berubah, iaitu masih sebagai objek dan bukan subjek yang mempunyai ikhtiar atau agency. Sebaliknya, ideologi patriarki jelas mendasari penghasilan dan penerimaan serta penghayatan karya cerita Indonesia. Ini disebabkan beberapa pegangan, fatwa atau ajaran, sama ada yang terbit daripada agama atau budaya, yang sudah sebatи dalam masyarakat Indonesia, dan diterima pakai. Dalam konteks kerangka sebuah kajian ilmiah, ketelitian analisis Hellwig memang boleh dipertanggungjawabkan daripada segi logik dan kelincinan hujahnya. Namun begitu, perkara-perkara yang tidak tertera dalam cerita, yang mungkin dipilih oleh penulis cerita untuk sengaja dilenyapkan atas sebab-sebab tuntutan dan bias cerita, atau pun yang memang sudah sedia dimaklumi penulis dan pembaca dan justeru itu tidak dijelaskan, tetapi tetap memainkan peranan dalam mewarnai cerita, kadangkala tidak diambil kira untuk mengimbangi data analisis yang tertera. Ini lantas menimbulkan beberapa kenyataan yang kurang tepat, yang boleh pula dipertikaikan.

ABSTRAK

In analysing images of women in Indonesian narratives over a span of 50 years, Hellwig has chosen to avail herself of feminists theories because she claims that they allow her to challenge, negotiate or take up issues with the texts studied. This approach, according to her, is necessary in order to offer an alternative reading, one which is different from the mainstream interpretation often found in critical works on Indonesian literature. Hellwig's findings demonstrate that images of Indonesian women over the period studied have changed little, namely Indonesian women are essentially portrayed as objects as opposed to subjects that have agency. Likewise, a patriarchal ideology largely underpins production, consumption and appreciation of Indonesian literature. According to Hellwig, this was, among others, due to religious or

cultural values, teachings or decrees, which have become so much a part of Indonesian society and accepted as such without question. In the context of an academic study, Hellwig's meticulous analysis is beyond question, particularly in terms of its coherence and logical argumentation. However, various aspects not evident in the narratives, aspects which are deliberately left unsaid because of certain demands or biases of the narratives, or which constitute readers' and writers' shared assumptions but which, albeit left unsaid, nonetheless serve to colour the narratives, are sometimes not taken into account to balance out the written and the said. This, in turn, gives rise to several statements which are not altogether correct, and open to challenge. This comment notwithstanding, Hellwig's analysis on the whole does offer an alternative reading, besides contributing to the corpus of critical works on Indonesian literature.

MUKADIMAH

Buku ini¹ berdasarkan tesis doktoral yang menganalisis 25 buah novel dan 3 cerpan (cerita panjang) sepanjang tempoh 50 tahun, iaitu daripada novel *Merantau Ke Deli* oleh Hamka (1937) hingga novel *Canting* nukilan Arswendo Atmowiloto (1986)(Hellwig 1994). Ia meliputi novel-novel yang dikenali sebagai novel Minangkabau; novel yang berpusatkan Jawa sama ada daripada segi latar, falsafah, pegangan, asal usul atau tempat permastautinan penulis; novel yang berlatarbelakangkan peperangan; novel hasil nuklian penulis wanita yang dianggap *sastra pop* atau sastera popular dan sastera serius atau juga dikenali sebagai *sastera berbobot*. Ia berusaha untuk melihat bagaimana wanita digambarkan dalam karya kreatif penulis wanita dan juga penulis lelaki. Dalam tempoh 50 tahun itu, yang ditinjau secara kronologis, bermatlamat untuk melihat sama ada gambaran tersebut berubah sepanjang tempoh itu, atau ia tidak memperlihatkan perubahan yang signifikan. Novel yang dipilih adalah yang mengetengahkan watak-watak wanita yang memainkan peranan penting dalam pengkisahan. Di samping itu, novel pilihan tersebut juga adalah yang terkenal di kalangan pembaca Indonesia.

Dalam kajian ini, Tineke Hellwig yang merupakan wanita kacukan daripada ibu Indonesia dan ayah Belanda, tidak menafikan latarbelakang dan kesendengen Eropahnya. Menurut beliau, tanpa berniat untuk mengambil alih tempat wanita Indonesia atau mewakili pemikiran mereka, analisis beliau berusaha untuk menawarkan satu bentuk bacaan yang berbeza daripada yang lumrah ditemui dalam kritikan sastera Indonesia, terutamanya tentang novel-novel yang dikajinya itu. Beliau ingin mencari jawapan kepada soalan: adakah gambaran wanita dalam sastera Indonesia mencabar atau memperkuuh ideologi patriaki serta nilai-nilai yang sedia ada dan diterima pakai, khususnya yang berkaitan hubungan gender.

KERANGKA ANALISIS

Sebagai alat perungkai teks pilihannya, Hellwig memilih bacaan feminis, iaitu satu bentuk bacaan yang diakui bersifat politik. Bacaan seperti ini merayakan peranan pembaca dalam proses bacaan dalam erti kata ia bertolak daripada pendirian bahawa pembaca berkewajipan untuk turut serta dalam usaha memperkenal dan merealisasikan perubahan. Justeru, proses membaca itu sendiri dilihat sebagai medan pertikaian, percaturan dan tolak ansur. Dengan sendirinya menolak bentuk analisis dalaman atau formalistic, ia lebih mengundang analisis yang bersifat konstekstual yang melihat sastera sebagai sebahagian daripada kehidupan budaya masyarakat, maka diwarnai tuntutan masyarakat persekitarannya. Ini sekali gus bererti menangani peranan ideologi yang mengelilingi penghasilan karya-karya tersebut, khususnya pegangan agama dan perlembagaan serta diktat pemerintah. Dalam konteks teks yang dikaji, Hellwig merujuk kepada konsep dalam ugama Islam, Kristian dan Hindu-Jawa di samping ideologi yang dipelopori dan disenangi pemerintah, iaitu *Ibuisme* (berbanding *Bapakisme*). Ini, antara lain, adalah program Pembinaan Kesejahteraan Keluarga yang kemudian diganti Panca Darma Wanita, yang menggariskan lima tugas utama wanita, iaitu sebagai penyokong suami, penjaga rumah tangga, penghasil generasi akan datang, agen sosialisasi keluarga dan warga negara Indonesia. Ini dituruti Peraturan Pemerintah nombor 10 PP10 yang menentukan aktiviti kegiatan seks dan keluarga seperti soal perkahwinan, poligami, cerai, hubungan sulit dan sebagainya. Menurut Hellwig, walaupun peraturan ini terbatas kepada kakitangan kerajaan, ia menjadi rangka tindakan untuk rakyat Indonesia. Bertolak daripada faktor konteks seperti yang diperkatakan di atas, Hellwig seterusnya merungkai teks di tiga tahap, iaitu di tahap *fabula* (iaitu perkara-perkara yang diandaikan terlibat dalam tersempurnanya cerita yang disajikan itu, semacam bahan mentah atau keseluruhan rempah ratus yang diperlukan untuk kehadiran cerita tersebut); di tahap *story* atau cerita (lebih ditekankan kepada fokalisasi atau sudut pandangan watak yang melaluinya cerita itu sampai kepada pembaca) dan di tahap teks, khususnya bahasa yang digunakan (iaitu penggunaan bahasa yang kedudukan dan pendirian si pengajar dapat diselami). Dengan menggunakan kerangka analisis seperti yang dibincangkan itu, Hellwig menurunkan beberapa penemuannya.

PENEMUAN PERUNGKAIAN TEKS

Menurut Hellwig, gambaran wanita dalam sastera Indonesia sepanjang setengah abad itu rata-rata tidak mencabar ideologi patriaki, tetapi memperkuatkannya. Beliau melihat pelbagai aspek hubungan gender yang dikaitkan dengan hubungan kuasa yang secara keseluruhannya memperakarkan satu bikinan gender yang sendeng kepada kaum lelaki. Tanpa menafikan betapa menyeluruhnya

penemuan yang diajukan Hellwig, rencana ini hanya akan melihat beberapa penemuan sebagai contoh hasil bacaan feminis yang diterapkan ke atas teks-teks pilihan itu. Menurut Hellwig, bacaan tersebut merupakan bacaan alternatif kepada bacaan yang lumrah disajikan pengkritik Indonesia.

Secara umum, ideologi patriaki yang menjadi titik tolak Hellwig ialah pegangan bahawa kedudukan wanita adalah lebih rendah, maka di bawah kedudukan lelaki. Ketidaksetaraan ini, menurut Hellwig, ditegakkan atas dasar perbezaan jantina. Sehubungan itu, Islam memainkan peranan penting memperkuatkan ideologi tersebut, terutamanya melalui institusi perkahwinan serta poligami dan talak yang diberi dan menjadi hak eksklusif lelaki. Ini memantapkan kuasa lelaki dan kedinamikaan hubungan kuasa yang jelas memihak kepada lelaki. Selain itu, hubungan yang berat sebelah ini, yang didasarkan perbezaan jantina, seterusnya diwajarkan atas apa yang disebut sebagai konsep “kudrat wanita”. Menurut konsep ini, tugas wanita untuk mengasuh, memelihara dan mendidik adalah “kudrat”nya, iaitu tugas semula jadi. Oleh kerana bersifat alamiah, ia tidak dapat dielakkan. Dengan kata lain, jantina wanita itu secara automatik menggariskan peranannya sebagai ibu dan isteri, dan sekali gus memetakan rumah tangga sebagai “daerah”nya yang wajar. Beberapa novel boleh diajukan untuk menunjukkan kebahagiaan yang dikecapi wanita yang patuh pada kudratnya dan tidak merayau keluar daripada batas-batas daerahnya. Sebaliknya, mereka yang menyeleweng daripada kudratnya dan keluar daripada daerahnya digambarkan menerima padah perbuatannya itu seperti menjadi gila, dihantui perasaan bersalah yang melumpuhkan, dipandang hina, dipinggirkan masyarakat dan sebagainya. Menurut Hellwig, tidak ada novel yang menggambarkan wanita mencapai kebahagiaan, lantaran “keberaniannya” menyeleweng daripada kudratnya dan keluar dari daerahnya itu. Gambaran seperti ini, menurut Hellwig, memperkuatkan lagi ideologi yang menekankan keterikatan wanita kepada rumah tangga dan batasan yang terbit daripada keterikatan tersebut, serta peranan yang dikaitkan dengannya.

Seterusnya dan juga bertolak daripada perbezaan jantina ialah soal “dara” yang begitu penting dalam wacana ideologi gender seperti yang diperikan dalam novel-novel yang dikaji Hellwig. Dua contoh diketengahkan. Yang pertama berlekar pada konsep “pingitan” dan “gowok”. “Pingitan” merujuk kepada pentingnya wanita menjaga kesucian atau “dara”nya sebelum berkahwin. Wanita yang didapat tidak lagi dara semasa berkahwin, sama ada daranya hilang secara rela atau paksa, dianggap sudah tidak bernilai lagi atau nilainya sudah terkompromi. Dalam keadaan “tidak bernilai lagi” ini, wanita dianggap wajar menerima padah seperti diusir, didera, disisih dan sebagainya, yang diperlihatkan sebagai hukuman yang wajar. Merujuk kepada lelaki pula, menerusi praktis *gowok*, wanita yang berpengalaman akan dibayar untuk mengajar selok-belok asmara dan hubungan kelamin kepada lelaki yang masih teruna. Dengan kata lain, kalau wanita dituntut untuk menjaga daranya sebelum berkahwin, lelaki tidak dituntut untuk menjaga terunanya, malah digalakkan untuk berpengalaman sebelum

berkahwin. Menurut Hellwig, amalan *gowok* dan penekanan kepada “dara” itu memperlihatkan *double standard* yang didasarkan perbezaan jantina. Oleh kerana dara/*gowok* ini diterima sebagai sebahagian daripada pegangan dan kebiasaan masyarakat, *dwistandard* ini mampu dikekalkan dan diperpanjangkan kerana ia telah membudaya dalam masyarakat tersebut.

Yang kedua, soal dara ini dikaitkan dengan persepsi wanita bukan sebagai subjek yang mampu membuat keputusan dan menentukan arah tujuannya sendiri, tetapi sebagai objek. Oleh itu, ia boleh diperlakukan menurut apa yang difikirkan sesuai seperti dijual beli, ditukar ganti atau digilir-gilirkan. Fahaman ini dimantapkan dalam novel *Ronggeng Dukuh Paruk*, melalui ritual yang dipanggil “bukak kelambu”. Watak utama Srintil yang dikatakan terpilih untuk menerima “roh indang” atau bakat serta ketrampilan ronggeng yang luarbiasa, menjadi idaman dan rebutan lelaki. Lanjutan itu, hak dan keistimewaan menjadi lelaki pertama meniduri Srintil dan memiliki “dara”nya melalui ritual “bukak kelambu” itu tadi dijaja kepada lelaki yang menawarkan harga yang tertinggi. Menurut Hellwig, kepercayaan dan pegangan Jawa seperti ini memantapkan ideologi patriaki yang berteraskan perbezaan jantina. Melalui ritual “bukak kelambu”, ideologi ini dapat dipertahan dan diterapkan berterusan sebagai sebahagian daripada budaya yang mantap dan diterima pakai tanpa bantahan.

Satu lagi penemuan Hellwig yang jelas merayakan ideologi patriaki terdapat pada konsep “peran ganda”. Menurut beliau, terdapat novel yang cuba menawarkan kelainan persepsi terhadap peranan dan kedudukan wanita. Karya seperti ini, antara lain, menempatkan wanita di luar rumah tangga, iaitu medan yang selama ini menjadi benteng operasi wanita yang tradisional. Sejak dengan ini, karya itu juga melengkapi wanita dengan kerjaya yang memungkinkan mereka keluar daripada rumah tangga. Dalam menganalisis novel ini, yang pada zahirnya kelihatan menawarkan persepsi yang berlainan, beliau mendapati perkara yang menghakis dakwaan kelainan tersebut. Umpamanya, kehadiran wanita di luar medan rumah tangga dengan kerjaya yang tertentu adalah bergantung kepada izin, restu dan kerelaan suami. Ini, menurut Hellwig, menjadikan peluang wanita untuk melangkah keluar dari rumah dan memegang jawatan itu satu “pemberian” lelaki kepada wanita, yang sekali gus meletakkan kuasa di tangan lelaki, iaitu kuasa memberi atau tidak memberi (izin dan restu). Dalam konteks ini, hubungan kuasa masih memihak kepada lelaki. Sehubungan itu, kerjaya di luar rumah tidak pula melupuskan tugas-tugasnya di rumah. Konsep kudrat wanita yang membawa bersamanya maksud mengasuh, memelihara dan mendidik, yang dijelaskan di atas tetap dipikul sepenuhnya. Ini menjadikan tugas wanita berganda atau wanita kini mempunyai “peran ganda”, iaitu di rumah dan di luar rumah. Menurut Hellwig, kajiannya tidak langsung menemukannya dengan watak suami yang secara aktif dan sengaja membantu kerja-kerja di rumah untuk membolehkan isteri yang berkerja tampil setara dengan lelaki, iaitu wanita kerjaya tanpa “peran ganda”. Berkaitan ini juga Hellwig mendapati kebebasan untuk mempunyai kerjaya ini diusahakan sendiri wanita dan tidak diperjuangkan bersama lelaki. Seterusnya,

dalam senario ini, tugas yang ditentukan kudrat wanita, iaitu mengasuh, mendidik dan memelihara, adalah diperlakukan sebagai tugas utama berbanding tugas kerjayanya. Ini dimantapkan dengan ideologi *ibuisme* janaan pemerintah Indonesia yang seterusnya dilembagakan melalui Panca Darma Wanita, Pembinaan Kesejahteraan Keluarga dan pertubuhan-pertubuhan isteri. Menurut Hellwig, kesemua ini memperkuatkan kedudukan lelaki sebagai pihak yang berkuasa dalam percaturan hubungan jantina dan hubungan kuasa. Berlatarkan pegangan *ibuisme* serta “peran ganda” inilah Hellwig menghujahkan novel *Layar Terkembang* yang diusahakan Sutan Takdir Alisyahbana untuk menampilkan wanita baru yang beremansipasi, iaitu Tuti, dihentikan sebelum watak wanita baru itu berkahwin dengan Yusuf. Dengan cara ini, Takdir mengelak daripada menangani soal “peran ganda” yang merupakan pengukuran ideologi patriaki, hatta Tuti diperagakan sebagai watak wanita yang telah mendapat emansipasi.

Satu lagi penemuan Hellwig yang jelas membuktikan kehadiran ideologi patriaki dengan berkesan ialah persepsi terhadap keterlibatan wanita dalam perjuangan atau peperangan. Konteks ini memudahkan novelis mengajukan kekuatan fizikal dan kemampuan bertempur secara fizikal sebagai sifat yang diperlukan yang seterusnya diperakui. Ini dengan sendirinya menggenepikan sifat yang berlawanan seperti kewanitaan, kelembutan, kemanjaan, perasaan dan emosi sebagai tidak relevan dan inferior. Novel *Doktor Haslinda* menegakkan persepsi ini. Dalam menangani soal hubungan gender dan kuasa, novel ini mengajukan protagonis Haslinda, seorang doktor perubatan, yang menyembunyikan kerjayanya sebagai doktor dan menyamar sebagai babu untuk berkerja kepada barisan pemuda yang berjuang untuk negara. Hellwig menghujahkan bahawa gambaran wanita yang diutarakan melalui watak Haslinda itu merupakan satu sokongan utuh kepada ideologi patriaki, kerana Haslinda adalah wanita yang berpelajaran tinggi dan mempunyai kerjaya yang baik. Oleh itu, dia berada dalam keadaan yang cukup baik untuk mencabar peranan yang didasarkan perbezaan gender. Sebaliknya, apabila Haslinda diperlihatkan bersusah payah menyembunyikan kerjayanya, dia menerima dan merelakan ideologi yang meremehkan kemampuannya sebagai doktor dan juga kehadirannya sebagai wanita, selain menyetujui kedudukan wanita memang rendah daripada lelaki melalui kesediaannya menjadi babu. Ini diperkuatkan lagi apabila Haslinda, yang jatuh cinta dengan seorang ahli pejuang pemuda itu, berusaha keras menafikan perasaan cinta, kerana beranggapan perasaan itu yang dikaitkan dengan wanita, tidak ada tempat dalam dunia perjuangan. Dengan kata lain, *Doktor Haslinda*, hasil nukilan penulis lelaki Minangkabau itu mengejapkan ideologi patriaki dengan konklusifnya apabila mengketengahkan protagonis wanita yang berkemampuan, tetapi kemudian menghakis kemampuan tersebut dengan cara-cara yang tertentu.

BEBERAPA KOMEN

Apabila Hellwig memilih untuk memanfaatkan bacaan feminis, beliau sudah menetapkan bagi dirinya beberapa tugas: pertama, untuk mempertikaikan hubungan gender yang diterima seperti yang terserlah dalam teks yang dikaji, dan kedua, mengajukan perubahan kepada hubungan gender tersebut. Bahawa ini adalah titik tolak dan misinya dalam buku ini adalah jelas apabila dilihat kutipan yang diketengahkan dalam kerangka analisisnya:

The feminist reader is enlisted in the process of changing the gender relations which prevail in our society, and she regards the practice of reading as one of the sites in the struggle for change (Belsey, C. & Moore, J. 1989: 1 dalam Hellwig 1994 : 7)

Seterusnya, ini digandingkan dengan pendekatan kontekstual yang antara lain menamakan konsep Islam, Kristian, Hindu-Jawa dan perlumbaan serta diktat pemerintah sebagai faktor-faktor yang dipertimbangkan dalam analisis teks. Ditinjau daripada sudut gabungan perkara-perkara ini sebagai kerangka dan titik tolak penelitian, analisis Hellwig adalah rapi dan tajam. Beliau menunjukkan beberapa aspek ideologi patriaki yang dipertikaikan itu adalah satu bikinan yang dihalalkan bagi tujuan memastikan kelanjutan struktur kuasa yang memihak dan melebihkan lelaki. Hujah-hujah yang diajukan adalah mantap, dengan urutan hujah yang kemas dan dapat diikuti dengan baik. Dari segi ini *In The Shadow of Change* merupakan satu sumbangan yang bererti dalam kesarjanaan pengajian Melayu/Indonesia.

Terlepas daripada pengamatan ini, ada beberapa perkara yang mungkin dapat dibangkitkan bersabit dengan kaedah perungkaiyan yang diterapkan. Sehubungan ini, oleh kerana saya lebih biasa dengan Islam daripada Kristian dan Hindu-Jawa, maka perbincangan seterusnya lebih menjurus kepada perspektif Islam. Hellwig menegaskan beliau meneliti datanya daripada tiga tahap, iaitu *fabula*, *story* atau cerita dan teks. Tumpuan kepada *fabula* sebagai “bahan mentah” atau peristiwa yang berkaitan, yang dicetus dan dialami watak “*a series of logically and chronologically related events that are caused and experienced by actors*” (Hellwig 1994: 11) memang memungkinkan tumpuan penuh kepada kisah rebah bangun watak. Di sini, watak wanita disengajakan sebagai fokus utama kajian. Namun, tumpuan seperti ini sering juga mendorong kepada spekulasi tentang perkara yang tidak tersurat atau tidak merupakan peristiwa yang dicetus dan dialami watak dan oleh itu tidak dimuatkan dalam pengkisahan. Misalnya, kegiatan seks luar institusi perkahwinan atau “seks haram” yang dilakukan wanita dan lelaki. Berdasarkan *fabula* yang diteliti, apabila wanita terlibat dalam seks haram, perbuatan ini disusuli dengan gambaran yang buruk yang ditanggung wanita tersebut. “...Susi and Midah, and Amilah...These women are freer to make decisions about their female sexuality and their sexual contacts, but they pay a price. They are confronted with the consequences of their behaviour, which is not accepted by their society : unwanted pregnancies,

illegitimate children, and insanity....Her [Amilah] madness, however, is a clear indication that her way of life in her early years [meniduri ramai lelaki di luar institusi perkahwinan dan melahirkan anak di luar nikah] cannot be tolerated and is a punishment for her immoral behaviour". (Hellwig 1994: 66-67). Sebaliknya, watak lelaki yang terlibat dalam seks haram tidak pula disusuli dengan gambaran buruk. Ketiadaan gambaran buruk yang dialami lelaki ini dijelaskan sebagai kehadiran penilaian yang berbeza, iaitu lelaki diberi kebebasan dalam soal seks, sementara wanita tidak diberi kebebasan tersebut. Ini lantas menelurkan dakwaan seks bebas dibolehkan bagi lelaki, tetapi wanita dinafikan "hak" tersebut. Apabila interpretasi ini dipadankan kepada Islam misalnya (Hellwig 1994:140;198), maka ia membawa kenyataan yang terpesong atau mengelirukan. Seperti yang diketahui, Islam dengan jelas menghukum seks bebas itu perbuatan zina dan berdosa besar sama ada dilakukan wanita mahupun lelaki, iaitu hukuman yang menyeluruh dan yang tidak membezakan gender. Ini sekali gus menjadikan "penemuan" Hellwig yang tertera dalam kutipan tersebut (lihat nota kaki 2 dan 3) suatu yang boleh dipertikaikan. Yang perlu diperhatikan ialah hakikat bahawa tiada gambaran lelaki berzina yang menanggung padah dalam *fabula* yang dikaji itu mengundang kepekaan dan pengetahuan yang melampaui data empirik pada tahap *fabula* tersebut sebelum penelitian diajukan sebagai penemuan yang kukuh dan muktamad. Paling tidak, ia mengundang kenyataan berlapik atau *qualification* yang dengan jelas menunjukkan dakwaan yang dibuat itu merupakan Islam atau Hindu/Kristian/Jawa seperti yang digambarkan dalam data; atau juga, ia mengundang kepekaan yang menunjukkan penulis maklum adanya perbezaan antara agama sebagai doktrin yang lengkap dengan hukum-hakamnya yang jelas di satu pihak, dan agama seperti yang diamalkan penganut-penganutnya di satu pihak yang lain. Sehubungan Islam, kepekaan ini mungkin tidak salah tempatnya dalam konteks Indonesia yang merupakan antara negara ummah Islam yang terbesar di dunia; tetapi di samping itu juga mempunyai rujukan seperti "Islam statistik", "Islam kejawen", "Islam sinkratis" dan "Islam kebatinan".

Mungkin sebagai pembelaan boleh dikatakan Hellwig bukan mengkaji Islam, maka ketepatan perincian hukum-hakam Islam bukanlah fokus dan tuntutan kajiannya. Beliau hanya meneliti teks yang agama Islam dan ajarannya mendasari dan mewarnai karya tersebut, di samping menjadi titik tolak skima nilainya, iaitu suatu yang tidak menghairankan, memandangkan teks tersebut dihasilkan penulis yang beragama Islam atau berpegang kepada nilai Islam. Pembelaan ini memang ada benarnya dan boleh diterima. Namun, kenyataan berlapik bukanlah tuntutan yang keterlaluan, malah merupakan satu kewaspadaan yang wajar dalam kajian serius seperti *In The Shadow of Change*, yang mungkin diterima dan dirujuk sebagai "ilmu" yang sahih.

Persoalan yang timbul daripada "penemuan-penemuan" Hellwig yang dibicarakan itu menarik perhatian kepada perkara lain yang berkaitan dan yang tidak kurang penting dan menarik. Tumpuan kepada *fabula* atau "peristiwa-persitiwa yang dicetus dan dialami watak..." dan juga kepada *story* atau cerita,

yang sering merupakan tumpuan utama, atau satu-satunya tumpuan karya-karya kreatif, menjadikan novel tidak dapat meluangkan ruang bagi perkara lain daripada cerita seperti perbincangan idea yang bernalas, hujahan yang mantap, pemikiran yang tajam, wacana ilmiah atau “ilmu”. Dengan kata lain, novel kini benar-benar muncul sebagai wadah cerita dan ini diterima sebagai suatu yang wajar. Berhadapan dengan kenyataan ini, bagaimana pula dengan dakwaan seperti “novel ilmu”, “novel berilmu” atau “novel yang berisi ilmu” yang sering kedengaran? Dakwaan tersebut membawa dua implikasi: pertama, adakah ini bererti *fabula*/ cerita (tumpuan dan isian novel) diterima sebagai medan tampungan ilmu yang sah dan kedua, adakah ini bererti apa yang dibentangkan dalam cerita adalah “ilmu”, atau mungkin bagi penulis dan pembaca Islam, apa yang dibentangkan dalam cerita yang tidak bertentangan dengan Islam adalah “ilmu yang sah”. Kenyataan ini, secara logik, menarik perhatian kita kepada soalan tentang asumsi “ilmu” penulis kreatif (Ungku Maimunah 2004).

Soalan “anggapan ilmu” ini penting dalam konteks wujudnya pandangan dan pegangan di kalangan penulis kreatif dan pengkritik bahawa wacana, perbincangan atau hujahan yang tajam, bernalas dan berbobot itu bersifat “ilmiah”, dan oleh itu tidak relevan atau tidak ada tempat dalam karya kreatif yang merupakan tulisan bukan ilmiah. Namun, serentak dengan itu juga dikatakan bahawa walaupun tulisan kreatif bukan tulisan ilmiah, ia tetap menghasilkan “sastera ilmu” atau “novel ilmu”. Adakah ini bererti “ilmiah” dan “ilmu” itu membawa maksud yang sama sekali bertentangan, seperti yang dibayangkan apabila wacana berbobot tidak diterima sebagai isian novel?

Lanjutan daripada implikasi penerimaan cerita sebagai medan tampungan ilmu, digandingkan pula dengan anggapan “ilmu” penulis dan pengkritik, yang antara lain, menolak wacana ilmiah sebagai isian sah novel, seperti yang dilihat di atas, maka novel (atau sastera secara am) mudah sahaja boleh muncul sebagai wadah yang mampu membuaikan “mesej”, “pengetahuan” atau “ilmu” yang salah (Hellwig 1994:196). Mungkin dalam konteks ketidaktentuan inilah gagasan Persuratan Baru janaan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya MAH) dengan sengaja membezakan “ilmu” dan “cerita”, dan seterusnya menegaskan perlunya dilakukan anjakan dalam penulisan dan kritikan sastera, iaitu daripada cerita (yang menurut MAH menjadi tumpuan utama dewasa ini) kepada ilmu (Mohd Affandi Hassan 1992, 1994a, 1994b, 1994c, 1999 dll). Ini bererti ruang naratif tidak lagi dimonopoli atau dipenuhi dengan *fabula* atau *story*, tetapi oleh isian yang selama ini dikesampingkan atas alasan ianya terlalu “ilmiah”. Lanjutan daripada itu, kritikan sastera juga, menurut MAH, perlu menilai karya kreatif berdasarkan keseriusan dan kepadatan isian “ilmiah”nya (Mohd Zariat 2004).

Tetapi, ulasan ini telah menyimpang agak jauh daripada *In The Shadow of Change*, hatta persoalan yang dicetuskan dalam buku ini penting dan wajar disentuh sekurang-kurangnya secara sepintas lalu, kalau tidak dapat diberi perhatian serius. Berbalik kepada “penemuan” Hellwig, soal skima nilai yang mendasari teks-teks yang dikajinya mengundang komen. Dalam *Keluarga*

Gurilya, watak ibu yang pada mudanya meniduri ramai kekasih, menjadi gila pada akhir cerita kerana anaknya, seorang gerilya, dihukum mati. Kegilaan Amilah, ibu tersebut, sering diinterpretasi pengkritik sebagai “balasan” perbuatannya semasa muda dahulu, iaitu balasan yang dihujahkan sesuai dengan hukum Islam yang melarang keras seks di luar institusi perkahwinan. Interpretasi atau bacaan seperti ini, menurut Hellwig, adalah bacaan yang merugikan wanita kerana ia menafikan wanita hak untuk menjadi “subjek”, iaitu individu yang menentukan nasib dan keputusannya sendiri, dan bukannya “objek” yang ke atasnya diperlakukan pelbagai perkara - dalam konteks ini dikenakan penentuan hukuman “balasan” mengikut ugama Islam. Hujah Hellwig jelas menunjukkan beliau begitu arif dan setia kepada tuntutan bacaan feminis yang menggesa agar dilakukan perubahan kepada interpretasi yang merugikan wanita. Justeru, bagi Hellwig, perbuatan Amilah meniduri ramai lelaki semasa mudanya itu ialah ekspresi seksualitinya atau manifestasi “keberanian”nya membelakangi norma agama dan sosial yang membelenggukan. Sehingga ke tahap “keberanian” Amilah ini, novel tersebut dilihat sebagai satu perkembangan yang positif, iaitu satu langkah ke hadapan dalam lakaran wanita Indonesia. Namun, seperti yang dijelaskan, novel tidak berhenti di situ, tetapi diteruskan dengan gambaran Amilah menjadi gila sebagai “balasan” terhadap keberaniannya, iaitu satu langkah ke belakang bagi Hellwig, tetapi diterima sebagai interpretasi atau bacaan yang sah, lantaran ia yang dimungkinkan dan diwajarkan ugama Islam.

Seperti yang dijelaskan, bacaan Hellewig memang tepat sebagai bacaan feminis yang dinamik. Sehubungan itu, dalam ayat penutupnya Hellwig menggesa agar interpretasinya diterima sebagai bacaan seorang feminis yang mempunyai kekuatan sendiri, sebagaimana yang dicatatkannya:

Though we [pembaca dan pengkritik asing] are biased in our ways and may have an approach quintessentially different from that of Indonesians, as long as we do not pretend to speak on their behalf, our interpretations and views should be judged on their own merits (Hellwig 1994: 207).

Tanpa menafikan ada kewajaran dalam gesaannya itu, tidakkah juga wajar jika, sama seperti Hellwig yang meminta agar kritikannya dinilai atas kekuatannya sendiri, karya-karya tersebut juga dibaca, difahami dan dinilai berdasarkan kekuatannya sendiri, dan dalam konteks *Keluarga Gurilya* antara kekuatannya ialah Islam/agama sebagai skima nilai yang mendasari novel tersebut, atau mungkin juga timbulnya interpretasi Hellwig itu ialah kerana saratnya *Keluarga Gurilya* dengan *fabula* dan cerita sehingga tidak ada ruang untuk perbincangan tentang konsep “balasan” menurut perspektif ugama Islam, tentang soal talak dan poligami yang diberi kepada lelaki, tentang konsep kudrat wanita dan sebagainya. Mungkin kalau penjelasan tentang perkara ini menjadi tampungan novel tersebut yang dihadirkan melalui perbincangan atau wacana yang bernas, indah dan kreatif, kenyataan seperti ugama Islam tidak menghukum lelaki yang berzina itu dengan sendirinya akan terelak.

PENUTUP

Secara umum, dalam konteks pascastrukturalis, khususnya bacaan feminis, proses pembacaan itu menjadi medan untuk pertikaian dan tawar-menawar dan pembaca kini menjadi pihak yang membuat makna. Mandat yang diberi kepada pembaca ada baiknya, tetapi ia juga terdedah kepada kemungkinan yang tidak dapat diwajarkan sehingga proses pembacaan dan pembentukan makna itu akhirnya menjadi “apa sahaja pun boleh”. Ini tidak bererti bahawa di tangan Hellwig mandat tersebut telah disalahgunakan. Melalui *In The Shadow of Change*, Hellwig telah menerapkan perspektif feminis secara konsisten dan penuh tanggungjawab, sehingga buku beliau muncul sebagai kajian ilmiah yang utuh, mantap dan menjadi sumbangan yang bererti dalam korpus kesarjanaan pengajian Melayu/Indonesia.

Namun, sebuah ulasan buku *In The Shadow of Change* ini tidak berlaku adil sekiranya ia memejamkan mata terhadap kenyataan yang jelas boleh dipertikaikan. Paling tidak ia perlu menarik perhatian kepada perkara tersebut. Dalam konteks inilah soal kedudukan dan peranan tulisan kreatif menjadi soalan yang kritikal. Sekiranya tulisan, khususnya tulisan kreatif, hendak dijadikan wadah untuk meningkatkan fahaman dan ilmu (seperti yang dapat diandaikan melalui dakwaan “novel ilmu” serta dakwaan seumpamanya), maka seruan MAH sangat relevan dan wajar diperlakukan. Tulisan kreatif perlu dilonjakkan untuk benar-benar menjadi wadah ilmu dan bukan wadah untuk cerita yang kemudian diuar-uarkan sebagai ilmu. Ini perlu agar kita dapat belajar, dan dari situ mula menghormati satu sama lain. Dalam konteks masyarakat majmuk dan juga era globalisasi, ini memang kena pada tempat dan waktunya.

REFERENCES

- Hellwig, Tineke, 1994. *In The Shadow of Change: Women In Indonesian Literature*, Berkeley: University of California, Center for Southeast Asian Studies, Monograph No. 35: 1994, hlm. vii-259.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir, 2004. Cerita: Kedudukan dan Peranannya Dalam Karya Kreatif Penulis Wanita Sebelum Perang. *Seminar Antarabangsa Karya Wanita Asia*, 6-8 September, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan. 1992. *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1994a. *Medan-medan Dalam Sistem Persuratan Melayu: Sanggaran Terhadap Syarahan Perdana Prof. Dr Muhammad Hj Salleh (Sarjana Dan Sasterawan Negara)*. Kota Bharu: Penerbit Tiga Puteri.
- _____. 1994b. *Pemikiran Dan Pendekatan Dalam Kritikan Sastera Melayu Modern. Dlm. Kesusastraan Melayu Mitos Dan Realiti: Esei/Kritikan Hadiah Sastera Malaysia 1988/1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- _____. 1994c. Mengapa Saya Menulis Aligupi. *Dewan Masyarakat*. (September): 10-12.

- _____. 1999. Persuratan Baru Dan Cabaran Intelektual: Menilai Kembali Kegiatan Kreatif Dan Kritikan. Kertas kerja yang dibentangkan di *Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*, 6-8 Disember.
- _____. Akan terbit Era Shit Dalam Politik Dan Sejarah Malaysia: Sumbangan Shahnon Ahmad Untuk Rakyat Dan Negara.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2004. Seksualiti Dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir
Felo Penyelidik Utama
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
e-mail: ungkum@pkri.scc.ukm.my